



## JABATAN KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN

# PANDUAN KELAYAKAN PENDAFTARAN JURUTERA DANDANG STIM

### *Kelayakan Pendaftaran*

Kelayakan seseorang yang ingin mendaftar sebagai Jurutera Dandang Stim adalah berdasarkan kepada Seksyen 31C, Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Berdasarkan peruntukan ini, ditetapkan kelayakan untuk permohonan sebagai Jurutera Dandang Stim Gred Dua & Satu adalah seperti berikut:

### **1.0 KELAYAKAN AM PERMOHONAN SEBAGAI JURUTERA DANDANG STIM GRED DUA (2) & GRED SATU (1)**

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Mempunyai pengalaman kerja dalam bidang KKP;
- c. Tidak pernah didakwa dan didapati bersalah atas kesalahan di bawah Akta 514 atau peraturan-peraturan di bawahnya;
- d. Disahkan sihat oleh Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) ;
- e. Menghadiri kursus Jurutera Dandang Stim di pusat latihan diiktiraf JKPP
- f. Lulus peperiksaan di pusat peperiksaan yang diiktiraf JKPP; dan
- g. Mengemukakan permohonan pendaftaran dalam tempoh satu (1) tahun selepas lulus peperiksaan Jurutera Dandang Stim.

### **2.0 KELAYAKAN KHUSUS PERMOHONAN SEBAGAI JURUTERA DANDANG STIM GRED DUA (2)**

- a. Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda (Kejuruteraan Mekanikal) yang diiktiraf oleh MQA; dan
- b. Satu (1) tahun pengalaman kerja berkaitan operasi dandang stim (perlu disahkan majikan).

ATAU

- c. Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (selain Kejuruteraan Mekanikal) yang diiktiraf oleh MQA; dan
- d. Dua (2) tahun pengalaman kerja berkaitan operasi dandang stim (perlu disahkan majikan).

### **3.0 KELAYAKAN KHUSUS PERMOHONAN SEBAGAI JURUTERA DANDANG STIM GRED SATU**

- a. Mempunyai enam (6) bulan pengalaman kerja sebagai Jurutera Dandang Stim Gred Dua (2);
- b. Mempunyai pengalaman kerja mengendalikan, menangani atau menjaga dandang stim yang mempunyai permukaan pemanasan, atau jumlah keseluruhan permukaan pemanasan bagi dandang-dandang stim yang disambungkan kepada suatu julat yang sama, adalah lebih daripada dua ribu (2000) meter persegi; dan
- c. Mendapatkan pengesahan dari majikan atau Jurutera Dandang Stim Gred Satu (1) bagi item (a) & (b).

### **4.0 KELAYAKAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN JURUTERA DANDANG STIM**

- a. Pemohon yang ingin memperbaharui pendaftaran hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:
  - i. Masih aktif menjalankan kerja sebagai Jurutera Dandang Stim dan disahkan oleh majikan;
  - ii. Mempunyai tiga puluh (30) mata Program Pembelajaran Berterusan (CEP) bagi tiga (3) tahun;
  - iii. Hadir dan lulus kursus ulang kaji yang ditetapkan oleh Jabatan di pusat latihan yang diiktiraf JKJP;
  - iv. Disahkan sihat oleh Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD);
  - v. Tidak disabitkan kesalahan di bawah Akta 514 atau peraturan-peraturan di bawahnya; dan
  - vi. Tidak memperolehi pendaftaran atau pembaharuan melalui salah nyataan atau fraud.
- b. Bagi mengekalkan kesinambungan tempoh sah sijil kompetensi, Jurutera Dandang Stim hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh sah sijil kompetensi.

## **5.0 KAE DAH PERMOHONAN PENDAFTARAN & PEMBAHARUAN JURUTERA DANDANG STIM**

- a. Berkuatkuasa 1 Jun 2024, semua permohonan bagi pendaftaran & pembaharuan Jurutera Dandang Stim adalah melalui perkhidmatan sistem MYSKUD yang boleh dilayari di Single-Sign-On (SSO) Sistem MyKKP (<http://mykkp.dosh.gov.my/>). Sebarang permohonan secara manual tidak akan diproses.